

21 APR 2003

Hishamuddin-Belia (Bergambar)

JADIKAN PERANG DI ASIA BARAT SEBAGAI IKTIBAR, KATA HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein berkata belia di Malaysia harus menjadikan peperangan di Asia Barat sebagai iktibar.

"Kita tidak harus ambil mudah kestabilan dan keharmonian yang wujud dalam negara hari ini. Ia tidak datang dengan sekelip mata tanpa berusaha," katanya.

Beliau meminta belia berpegang kepada perkara pokok di mana nilai perpaduan, cintakan tanah air, semangat patriotisme dan usaha mengeratkan antara kaum dan agama diteruskan.

"Walaupun nilai-nilai ini diwarisi ia masih relevan sehingga hari ini apatah lagi yang berlaku di Iraq, Afghanistan dan mungkin yang berlaku selepas ini perlu dijadikan pengajaran," katanya kepada pemberita selepas melancarkan tema dan logo Hari Belia Negara 2003 di sini hari ini.

Beliau turut melahirkan rasa bangga di mana ketika perhimpunan Aman Malaysia diadakan baru-baru ini tiada kekecohan berlaku walaupun disertai oleh ratusan ribu belia pelbagai kaum di Malaysia.

"Suara kita tetap didengar. Perhimpunan itu berjaya menghimpunkan ratusan ribu dalam keadaan yang selesa dan harmoni. Ini tidak bermakna pandangan suara kita tidak jelas dan lantang," katanya.

Katanya, ia turut membuktikan belia Malaysia berbeza dengan belia di negara lain di mana mereka lebih beremosi dan mengambil tindakan melulu sehingga akhirnya menjadi mangsa kepada pencerobohan dan kerakusan kuasa lain.

"Adalah penting kita memikirkan masa depan kita bersama dalam keadaan rasional dan matang supaya tindakan kita hari ini tidak menjejaskan generasi kita yang akan datang," katanya.

Mengenai sambutan Hari Belia Negara yang akan diadakan pada 15 Mei, tema yang dipilih ialah "Menjana Kecemerlangan Bangsa".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan sambutan berkenaan di Stadium Bukit Jalil di sini.

-- BERNAMA

MAS AZZ ZB